

PENDATANG-HARAM

OLEH RAJAN MOSES

1979

BANGI, 15 JUN (PERTAMA) — KESEMUA 70,000 ORANG PENDATANG HARAM VIETNAM DI MALAYSIA AKAN DIHANTAR DENGAN KAPAL KELUAR KE PERAIRAN ANTARABANGSA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA KERAJAAN JUGA AKAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MEMBOLEHKAN PIHAK BERKUASA MENEMBAK SEBARANG PERAHU VIETNAM YANG KELIHATAN MEMASUKI PERAIRAN NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG MENGGARISKAN LANGKAH-LANGKAH +PALING TEGAS+ ITU HARI INI MENAMBAH BAHAWA PENGUSIRAN PENDATANG-PENDATANG HARAM ITU AKAN BERMULA SEGERA DAN DIJALANKAN SECARA BERPERINGKAT.

UNDANG-UNDANG MENEMBAK ITU AKAN DIKANUNKAN +TIDAK LAMA LAGI+, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SEMINAR +MOTIVASI KEBANGSAAN DAN PENGURUSAN KAKITANGAN+ DI UNIVERSITI KEBANGSAAN DI SINI. —BERSAMBUNG 1831/BY

PENDATANG HARAM 2 BANGI

+OLEH KERANA NEGARA-NEGARA KETIGA TIDAK MENERIMA SEBANYAK MANA DATANGNYA PENDATANG HARAM ITU, KITA AKAN MULA MENGHANTAR KESEMUA PENDATANG HARAM VIETNAM DI NEGARA INI KELUAR DENGAN KAPAL KE PERAIRAN ANTARABANGSA SECARA BERPERINGKAT+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH MENGHANTAR PENDATANG-PENDATANG HARAM ITU KELUAR KE PERAIRAN ANTARABANGSA AKAN BERMULA SEBAIK SAHAJA KAPAL DIPEROLEHI OLEH KERAJAAN BAGI TUJUAN ITU.

KERAJAAN AKAN MENGUNTUKKAN PERBELANJAAN KHAS BAGI LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL UNTUK MENGUSIR PENDATANG-PENDATANG HARAM VIETNAM DARI NEGARA INI.

LEBIH BANYAK RONDAAN AKAN DIJALANKAN DI SEPANJANG PERAIRAN MALAYSIA DI PANTAI TIMUR.

KATANYA KAPAL-KAPAL PENDATANG HARAM VIETNAM YANG DATANG TIDAK LAGI AKAN DIBENARKAN MASUK KE PERAIRAN MALAYSIA DAN SEBALIKNYA AKAN DITARIK KELUAR OLEH BOT-BOT PERONDA KE PERAIRAN ANTARABANGSA UNTUK MENERUSKAN PERJALANAN MEREKA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. —BERSAMBUNG 1856/BY

PENDATANG HARAM 3 BANGI

+JIKA MEREKA MENENGGELAMKAN KAPAL-KAPAL MEREKA, MEREKA TIDAK AKAN DISELAMATKAN DAN AKAN KARAM.

+JIKA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KAPAL UNTUK MENERUSKAN PERJALANAN MEREKA KITA AKAN MENYEDIAKANNYA DAN MENGHANTAR MEREKA KELUAR+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN MALAYSIA MENGENAI PERKARA ITU AKAN DISAMPAIKAN KEPADA NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN TIDAK LAMA LAGI.

MENGENAI KENYATAAN PESURUHJAYA TINGGI BAGI ORANG-ORANG PELARIAN BANGSA-BANGSA BERSATU, DR. POUL HARTLING YANG MENGGESA NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA BERSIKAP PERI KEMANUSIAAN BELIAU BERKATA:

+BERSIKAP PERI KEMANUSIAAN TIDAK MENDATANGKAN FAEDAH BAGI KITA SEMUA. APA YANG BERLAKU SEKARANG TIDAK LEBIH RAMAI PENDATANG HARAM VIETNAM MENGALIR MASUK DAN KITA MEMPUNYAI HAK UNTUK MENGUSIR MEREKA.

+UNHCR SEHARUSNYA MERAYU NEGARA-NEGARA PENERIMA PENDATANG HARAM VIETNAM MENAMBAH PENGAMBILAN MEREKA DARI MEMBUAT GESAAN SUPAYA NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI TIDAK MENGHALAU MEREKA, + KATANYA. —BERNAMA 1900/BY